



## SIARAN MEDIA

### NICE 2025 Ekspo Inovasi Terbesar Malaysia, Bersama Rakyat Membentuk Masa Depan

*"Innovation. Growth. Global Impact" menjadi hala tuju baharu MOSTI melalui penganjuran NICE 2025*

**KUALA LUMPUR, 6 Oktober 2025** – Ekspo Inovasi dan Pengkomersialan Negara (NICE) 2025 hari ini membuka tirainya secara rasmi di World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur, sekali gus mencatat sejarah sebagai ekspo inovasi terbesar yang pernah dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Berpandukan tema **“Innovation. Growth. Global Impact”**, NICE 2025 menghimpunkan program utama MOSTI – **Malaysia Commercialisation Year (MCY)**, **I-Nation Global Summit dan BioXceed 2025** – di bawah satu platform, menjadikannya pameran paling menyeluruh bagi memperkuuh ekosistem inovasi dan pengkomersialan negara.

Ekspo ini dijangka menarik penyertaan lebih 12,000 pengunjung dan 150 reruai pameran, merangkumi pameran teknologi, sesi dialog dasar, padanan perniagaan dan pelancaran strategik yang dirangka untuk memperkuuh agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.

YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Fadillah Yusof telah melancarkan ekspo ini, dan dalam ucapan perasmianya, beliau berkongsi bahawa NICE 2025 akan menyaksikan pemeteraian 13 perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai lebih RM800 juta, serta pelancaran 14 produk baharu merangkumi sektor agroteknologi, bioteknologi dan pembangunan digital. Pencapaian ini memberi isyarat jelas mengenai impak perniagaan dan inovasi kepada kerancakan ekonomi Negara sejak hari pertama penganjuran ekspo ini.



**NICE**  
**25**

Timbalan Perdana Menteri turut menyaksikan tiga pertukaran MoU iaitu antara Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd dan Polaris Bio Co. Ltd (Korea) bernilai RM700 juta; antara Putra Agrotech Sdn Bhd dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bernilai RM70 juta; serta usaha sama antara Xeraya Capital dan MiRXES Holdings (Singapura) bernilai RM42 juta (USD10 juta).

(Rujuk [Lampiran 1](#) untuk butiran MoU yang dimeterai semasa pelancaran.)

Sementara itu, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata, STI kini menjadi pamacu utama pertumbuhan ekonomi abad ke-21, khususnya dalam kalangan negara berpendapatan tinggi.

Daripada Laporan OECD Science, Technology and Innovation Outlook 2024, beliau menekankan tiga keutamaan global iaitu peralihan hijau, transformasi digital berdasarkan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), dan pembinaan daya tahan dalam menghadapi ketidaktentuan geopolitik serta ekonomi.

“NICE 2025 adalah langkah berani untuk meletakkan Malaysia sebagai ekonomi berdasarkan inovasi. Kita perlu transformasi daripada hanya menjadi pengguna teknologi kepada pencipta dan pengeksport teknologi yang membawa nama Malaysia ke pasaran global. Minggu ini, saya menyeru semua rakyat Malaysia hadir, menyaksikan dan menilai sendiri hasil inovasi yang bakal membentuk masa depan negara,” kata Chang.

### **Meneruskan Kejayaan Pengkomersialan**

Sejak diperkenalkan pada 2016, MCY telah berjaya menyokong pengkomersialan **622 inovasi dengan nilai jualan melebihi RM849 juta**. Tahun ini, MCY terus menawarkan pelbagai insentif termasuk ganjaran tunai RM1 juta, program pembangunan kapasiti, sesi padanan perniagaan dan sokongan promosi. Sehingga kini, lebih **1,753 produk dan perkhidmatan telah melalui proses saringan teliti sebagai sebahagian daripada KPI khas MCY**.

Anugerah MCY mengiktiraf pencapaian cemerlang melalui satu Anugerah Keseluruhan beserta lima kategori anugerah iaitu: Anugerah Pencapaian Pengkomersialan, Anugerah Inovator Baharu, Anugerah Usahawan Penyelidik, Anugerah Usahasama Penyelidikan dan Perniagaan serta Anugerah Usahawan Sosial.



**NICE**  
**25**

(Rujuk [Lampiran 1](#) untuk butiran kategori Anugerah MCY.)

Kerajaan juga memperkuat penggunaan inovasi tempatan melalui inisiatif MySTI, yang memastikan hasil penyelidikan dan teknologi tempatan digunakan dalam perolehan kerajaan. Sehingga kini, **801 permohonan telah diterima dan 555 produk telah disijilkan**. Usaha ini membantu syarikat pemula tempatan menembusi pasaran domestik dan meningkatkan keyakinan pelabur antarabangsa.

Turut menjadi tumpuan ialah kejayaan National Technology and Innovation Sandbox (NTIS). Sejak dilancarkan pada 2020, NTIS telah menyalurkan **RM135.2 juta pemberian kepada 134 syarikat, dengan 80 produk dan teknologi berjaya dikomersialkan, menjana nilai pengkomersialan sebanyak RM158 juta**.

“Pencapaian NTIS membuktikan bahawa inovasi di Malaysia bukan sekadar idea, sebaliknya mencipta nilai sebenar – menyumbang kepada pendapatan negara, memperkuat ekosistem teknologi tempatan dan mempercepatkan transformasi Malaysia sebagai ekonomi berasaskan inovasi yang berdaya saing di peringkat global,” tambah Chang.

Kejayaan NICE 2025 turut diperkuat dengan sokongan padu daripada penaja dan rakan strategik. World Trade Centre Kuala Lumpur tampil sebagai Penaja Rasmi Lokasi, menyediakan fasiliti bertaraf dunia untuk mempamerkan inovasi Malaysia.

Selain itu, Brand Geeks menyokong sebagai rakan strategik dengan menawarkan Key Innovator Value-Added Programmes kepada pemenang MCY, termasuk program Hidra Index® yang merangkumi Market Readiness Level (MRL) Scoring, Turbocharge Bootcamps serta sokongan pemantauan dan intervensi bernilai RM200,000. Turut serta memperkuat impak penganjuran ialah organisasi terkemuka seperti Infineon, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Dell dan Billion Prima melalui penglibatan dalam I-Nation Global Summit. Sokongan ini mencerminkan komitmen bersama dalam mengangkat inovasi Malaysia ke persada antarabangsa.

**xtamatx**



**NICE**  
**25**

## **Ekspo Inovasi dan Pengkomersialan Negara (NICE 2025)**

NICE 2025 merupakan platform utama Malaysia untuk mempamerkan dan melonjakkan inovasi tempatan ke pasaran global. Dahulunya dikenali sebagai Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit), ia telah berjaya mengkomersialkan 622 inovasi dan menjana pendapatan lebih RM849 juta, NICE 2025 melambangkan lembaran baharu dalam perjalanan inovasi negara, dipimpin oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan dianjurkan oleh MRANTI.

Berlangsung dari 6–9 Oktober 2025 di World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur, NICE 2025 akan menyatukan inisiatif inovasi utama negara, termasuk pameran inovasi, dialog dasar, padanan perniagaan, dan pelancaran Pelan Hala Tuju Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi Malaysia (*Research, Development, Innovation, Commercialisation and Economy (RDICE) Roadmap for Malaysia*). Ia juga akan menampilkan tiga program utama dari MOSTI dan agensi-agensinya: MCY, I-Nation Global Summit (MRANTI), serta, BioXceed (Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dan Bioeconomy Corporation).

Dengan jangkaan kehadiran lebih 12,000 peserta dan 150 pemamer, NICE 2025 adalah acara penting bagi pengasas syarikat pemula, penyelidik, inovator korporat, pemimpin STEM, dan pelbagai pihak berkepentingan lain untuk berhubung, mempamerkan, dan berkembang, seterusnya membentuk masa depan inovasi Malaysia.

### **DISIARKAN OLEH:**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Tarikh: 6 Oktober 2025